

Pantau masa nyata - PM

RMK-9 2010/2016

Oleh YULPISMAN ASLI

KUALA LUMPUR 19 April - Kerajaan akan membentuk Sistem Pengurusan Projek dan Program (PPP) bagi membolehkan status pelaksanaan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dipantau secara masa nyata (*real time*).

Ita bertujuan bagi mengesan dan menangani sebarang masalah pelaksanaan yang timbul dengan lebih cepat.

Sistem itu dicadangkan semasa Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (BBPN) mengadakan mesyuarat pertamanya hari ini.

"BBPN telah memutuskan supaya Direktorat Pelaksanaan Negara (DPN) memperkenalkan PPP dengan segera.

"Sistem ini bertujuan untuk menghubungkan setiap komponen dalam rantai pelaksanaan, bermula dari peringkat perancangan sehingga ke peringkat penyerahan projek," kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dalam satu kenyataan selepas mempengerusikan mesyuarat itu, hari ini.

Selain itu kata beliau, fungsi sistem PPP:

- Akan membolehkan DPN bekerjasama secara berkesan dengan agensi, kementerian dan kerajaan negeri.

- Akan menerapkan amalan terbaik dalam menyelesaikan masalah pelaksanaan dan akan membina upaya pihak yang berkepentingan dalam bidang pentadbiran dan pelaksanaan dasar.

Mesyuarat yang berlangsung di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya, turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Effendi Norwawi dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Ita diadakan bagi membincangkan isu-isu berkaitan pelaksanaan projek di bawah RMK-9 yang mempunyai impak tinggi bagi rakyat, terutama projek yang melibatkan pelbagai agensi dan kementerian dan merentasi sempadan negeri.

"Projek-projek tersebut (di dalam RMK-9) perlu dilaksanakan dengan baik supaya rakyat mendapat faedah dan limpahan peluang ekonomi yang diharapkan," kata Abdullah.

Beliau berkata, Sistem PPP akan digunakan

■ Lihat muka 2

Pantau masa nyata - PM

untuk menyelaraskan pelaksanaan projek-projek seperti pembangunan Koridor Utara Semenanjung, Koridor Timur Semenanjung dan Wilayah Ekonomi Johor Selatan.

Sehubungan itu, beliau melahirkan keyakinan inovasi dalam perancangan pelaksanaan tersebut akan memberi keupayaan kepada kerajaan untuk memastikan projek dalam RMK-9 menepati objektif.

Perdana Menteri pada 4 April lalu mengumumkan penubuhan BBPN bagi memantau dan menyelaraskan pelaksanaan projek yang telah disenaraikan di bawah RMK-9.

Badan tersebut yang dipengerusikan sendiri oleh Abdullah juga diberi kuasa pada peringkat tertinggi bagi mengambil tindakan ke atas projek bermasalah agar tidak menggagalkan rancangan lima tahun kerajaan itu.

Menyelaras

Beliau memberitahu, BBPN akan menyelaraskan pelaksanaan projek yang mempunyai impak besar bagi menjana pertumbuhan dan pengagihan ekonomi terutama di kawasan baru Koridor Utara, Pantai Timur dan Selatan.

Antaranya, ia membabitkan projek pelancongan, pertanian, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Dua unit di Jabatan Perdana Menteri (JPM) iaitu Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) berfungsi sebagai sekretariat BBPN yang diketuai oleh Effendi.

Ketika memberikan butiran mengenai badan berkenaan, Perdana Menteri berkata, mekanisme pelaksanaan baru itu akan membantu memastikan projek dan program dilaksanakan serta disiapkan dalam masa yang ditentukan pada kos paling efektif di samping memberi faedah kepada rakyat.